

18/10/2002

'Persahabatan erat pesatkan ekonomi Asia'

Khaidir Abdul Majid

NEW DELHI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asia perlu membina keamanan dan persahabatan yang berkekalan dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mapan agar masa depannya lebih terjamin.

Jika Asia tidak dapat mencapai keamanan yang tulen, mengekal dan mengukuhkannya, tidak banyak yang boleh diharapkan kepada masa depan benua itu.

Keamanan tulen, iaitu sesuatu yang menjangkau ketiadaan peperangan, kalau boleh dicapai mampu memastikan benua itu terus berkembang, kata Perdana Menteri ketika berucap di Sidang Kemuncak Perniagaan Asean-India di sini hari ini.

Dr Mahathir menolak dua pendekatan yang diambil pada masa ini untuk mencapai keamanan berkekalan yang diidamkan, iaitu hegemoni dan pengimbangan kuasa ketenteraan.

Sebaliknya beliau mencadangkan pembentukan komuniti keamanan sebagai satu alternatif yang lebih praktikal.

Katanya, hegemoni atau imperialisme sebagai satu pendekatan untuk mencapai keamanan adalah satu idea yang sudah lapuk.

"Dunia hari ini terlalu rumit dan demokratik bagi imperialisme dijadikan pendekatan bagi mencapai keamanan tulen. Pendekatan sedemikian hanya melahirkan kebencian.

"Sebanyak 190 negara dan 6 bilion penduduknya mungkin boleh dikawal tetapi sejuta atau dua daripada mereka mungkin belajar membuat bom dan kumpulan ini tidak boleh dikawal," katanya pada persidangan sehari itu yang dihadiri ahli perniagaan dari India dan Asean, termasuk Malaysia.

Seperti hegemoni, pendekatan pengimbangan ketenteraan atau variasi kecilnya pengimbangan terorisme juga tidak boleh dipakai lagi, kata Dr Mahathir.

"Sebelum peristiwa 11 September sekalipun (serangan penganas terhadap Amerika Syarikat), ramai yang menyatakan pendekatan berkenaan adalah pilihan yang kurang memuaskan.

"Kini selepas peristiwa 11 September, kekurangannya lebih terserlah kerana kuasa ketenteraan terbukti bukan hanya menjadi monopoli sesebuah negara tetapi juga boleh dimiliki individu atau kumpulan kecil yang susah untuk dikenal pasti, apatah lagi didisiplinkan," jelas beliau.

Berikutan itu, pencapaian keamanan melalui pembentukan komuniti persahabatan adalah pilihan yang lebih realistik dalam dunia hari ini, kata Perdana Menteri.

Katanya ramai yang mungkin sangsi dengan pendekatan ini dengan menyatakan ia agak idealistik dan rumit untuk dicapai.

Namun pengalaman Eropah Barat dan Asean, serta perkembangan di Asia Timur sekarang dalam membentuk satu komuniti keamanan dalam rantau yang sebelum ini agak tidak menentu, menyangkal segala kesangsian terhadap pendekatan ini.

Mengenai India, Dr Mahathir mencadangkan negara itu dan Asean berusaha mewujudkan perkongsian ekonomi yang menyeluruh yang memberi manfaat bersama kepada mereka dan juga keseluruhan Asia.

Katanya, China, Jepun dan Korea Selatan, masing-masing sudah memulakan usaha untuk mewujudkan perkongsian ekonomi yang lebih erat dengan Asean, antaranya melalui pembentukan kawasan perdagangan bebas.

"Agak menarik untuk melihat berapa tinggi minatnya di sini dalam

menjalin perjanjian perkongsian ekonomi Asean-India," katanya.

Perdana Menteri tiba di ibu negara India tengah hari ini daripada Hyderabad, selepas mengadakan lawatan dua hari ke pusat teknologi maklumat India itu.

Selepas memberi ucapan di sidang kemuncak perniagaan anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perniagaan India (FICCI) itu, Dr Mahathir mengunjungi Presiden India APJ Abdul Kalam di Rashtrapati Bhavan di sini.

Beliau kemudian mengunjungi Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee di Hyderabad House dan menghadiri mesyuarat dua hala di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman di antara kerajaan Malaysia dan India mengenai projek pembangunan jalan di Jharkhand.

Dr Mahathir dijadual berlepas ke Islamabad, Pakistan esok sebelum meneruskan lawatannya ke Arab Saudi, Sabtu ini.